

Cerita Rakyat Kelantan dan Patani: Perbandingan Naratif, Nilai Budaya dan Memori Kolektif

Nasirin Abdillah

Universiti Teknologi MARA (UiTM)
nasirin@uitm.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini membandingkan lima cerita rakyat dari Kelantan dan lima dari Patani untuk meneliti persamaan dan perbezaan dalam struktur naratif, tema budaya dan fungsi sosial. Cerita-cerita rakyat dari Kelantan yang dianalisis ialah *Pulau Tengkorak*, *Main Puteri*, *Buaya Putih*, *Adat Ke Laut*, dan *Bunohan*. Manakala cerita rakyat dari Patani termasuk *Asal-usul Nama Pattani*, *Kisah Pengislaman Raja Patani*, *Raja Hijau*, *Perubahan Sungai akibat Bah Merah*, dan *Penunggu Kubur Patani*. Kajian ini mendapati bahawa kedua-dua wilayah berkongsi elemen mitos, kepercayaan spiritual, dan unsur tempatan yang kuat dalam menjelaskan asal usul tempat dan fenomena alam. Namun, naratif dari Kelantan lebih menonjolkan ritual perubatan dan adat tempatan, manakala cerita dari Patani lebih sarat dengan unsur sejarah dan peralihan kuasa politik. Persamaan utama terletak pada nilai kolektif masyarakat seperti keharmonian dengan alam, penghormatan kepada tokoh spiritual dan pentingnya adat dalam kehidupan seharian. Cerita rakyat juga berfungsi sebagai memori kolektif yang memperkukuh jati diri masyarakat Melayu serumpun. Kajian ini menyimpulkan bahawa cerita rakyat bukan hanya warisan budaya, tetapi juga wahana penting dalam menelusuri sejarah lisan, membina pemahaman rentas sempadan, dan memperkukuh kesatuan budaya di wilayah Nusantara.

Kata kunci: Analisis Naratif, Cerita rakyat Kelantan, Cerita rakyat Patani, Memori Kolektif, Tradisi Lisan

PENGENALAN

Cerita rakyat (*folklore*) adalah sebahagian daripada kesusasteraan dan khazanah berharga sesebuah nusa, sekaligus berfungsi sebagai 'perekod' kepada peradaban bangsa. Cerita rakyat berkembang dalam kalangan masyarakat yang memilikinya secara kolektif (bersama-sama) atau bersifat 'sepunya'. Ini berbeza dengan kesusasteraan moden yang lebih bersifat 'individualistik'. Maka, cerita rakyat seharusnya ditekuni dengan teliti agar pengetahuan kita tentang masyarakat silam dapat diteladani dan dihargai oleh masyarakat semasa dan akan datang. Kajian akan membincangkan cerita-cerita rakyat Melayu Kelantan-Patani, masing-masing lima buah cerita dari Kelantan, Malaysia dan Pattani, Thailand. Kata 'Patani' digunakan dalam kajian ini, umumnya merujuk kepada orang-orang Melayu Islam Selatan Thailand dikenali 'Melayu Patani' ('Melayu Siam'). 'Pattani' adalah ejaan yang standard digunakan dalam bahasa Thai. Kajian warisan cerita rakyat Melayu Kelantan-Patani ini dijalankan secara etnografi dan temubual dengan tukang-tukang cerita ini. Melalui cerita-cerita lisan inilah kita akan dapat lebih memahami pertalian sejarah, tradisi dan budaya masyarakat Melayu Kelantan dengan masyarakat Melayu Islam Thai ('Thai-Muslim'). Kajian juga ini diharap menjadi perintis dalam kajian terhadap perbandingan cerita rakyat kawasan-kawasan bersejarah ini khususnya melalui persepsi lisan yang berkemampuan merungkai "Weltanschauung" masyarakat Melayu Kelantan-Patani.

TINJAUAN LITERATUR

Pengumpulan cerita rakyat adalah satu tradisi yang telah lama berlaku, bahkan semenjak zaman Yunani atau Greek lagi. Buktinya adalah dengan kemunculan dua buah kumpulan besar puisi naratif Homer, iaitu *Odyssey* dan *The Iliad* yang menjadi rujukan utama masyarakat barat dalam memartabatkan tamadun dan warisan bangsa mereka. Banyak cerita daripada kedua-dua hasil penulisan Homer ini telah menyemarakkan dunia budaya dan kesusasteraan barat; daripada pengarang-pengarang agung mereka seperti William Shakespeare, John Keats, James Joyce sehinggalah kepada penghasilan filem-filem Hollywood hari ini yang bertunjangkan cerita rakyat seperti *Thor*, *Gods of Egypt*, *Star Wars*, *Lord of the Rings*, *Harry Potter* dan banyak lagi. Ini mengabsahkan betapa penting dan relevannya cerita-cerita rakyat daripada dahulu hinggalah sekarang ini. Cerita-cerita rakyat sejak zaman kesusasteraan klasik barat ini telah mempengaruhi banyak aspek kehidupan manusia. Natijahnya, kini kita tidak asing lagi dengan nama-nama seperti Zeus, Hercules, Achilles, Neptune dan lain-lain. Malahan nama-nama planet seperti Marikh dan Pluto adalah sempena nama-nama dewa dalam cerita rakyat Rom. Bahkan, temasya sukan Olimpik yang kita turut sertai dan raihkan itu, tanpa kita sedari, sebenarnya, tujuan asalnya adalah untuk mengagungkan Zeus, ketua dewa dalam cerita rakyat Yunani, yang mendiami puncak gunung Olympus. Betapa kita sebenarnya terus-terusan menyemarakkan lagi kerancakan dan kelestarian cerita-cerita rakyat, tetapi malangnya bukan cerita rakyat kita sendiri. Kesedaran terhadap betapa pentingnya pengumpulan cerita-cerita rakyat ini berterusan dalam tamadun barat.

Selain cerita-cerita rakyat Yunani atau Rom diambil sebagai rujukan oleh masyarakat barat, usaha-usaha mengumpulkan cerita-cerita rakyat secara sistematik berdasarkan bangsa atau negara masing-masing bermula pada tahun 1636 oleh Giambattista Basile di Perancis. Beliaulah orang pertama yang mula-mula mengumpulkan cerita-cerita rakyat seperti *Cinderella*, *Sleeping Beauty* dan *Little Red Riding Hood* yang begitu popular sehingga ke hari ini. Koleksi cerita rakyat ini ditambah pula lagi oleh Charles Perrault, juga orang Perancis, pada tahun 1697. Kemudian, himpunan cerita rakyat Perancis ini telah mencetuskan pandangan-pandangan bersifat intelektual atau ilmiah. Contohnya, Johann Gottfried Herder (1744-1803), seorang ahli falsafah Jerman, telah menghasilkan teori *Volkgeist* (harafiahnya bermaksud *spirit of the people* atau 'jiwa masyarakat'), yang berdasarkan kajian beliau terhadap koleksi-koleksi cerita rakyat Basile dan Perrault.

Cerita rakyat Malaysia, terutamanya daripada kaum Melayu, telah mendapat perhatian sejak zaman kolonial lagi, terutamanya semasa penjajahan Inggeris di Tanah Melayu. Contohnya, penghasilan himpunan cerita rakyat seperti *Hikayat Bayan Budiman* yang diusahakan oleh R.O. Winstedt, *Hikayat Raja Pasai* oleh Russell Jones, *Hikayat Pelandok* oleh O.T. Dussek dan *Cherita Jenaka*, iaitu *Pa' Kadok*, *Pa' Pandir*, *Lebai Malang*, *Pa' Belalang*, *Si-Lunchai*, oleh R.O. Winstedt dan A.J. Sturrock. Walau bagaimanapun, masih terdapat sejumlah pengumpul-pengumpul cerita-cerita rakyat atau lisan oleh orang-orang Melayu sendiri iaitu seperti Tun Seri Lanang, Munsyi Abdullah, Raja Haji Ali, Pawang Ana dan ramai lagi. Bermula pada kurun ke-20, terutamanya selepas zaman kolonialisme, pengumpulan cerita-cerita rakyat semakin berkurangan dan sarjana-sarjana dalam bidang cerita rakyat adalah terhad. Karya-karya seperti hikayat, cerita-cerita rakyat daripada pelbagai negeri, tradisi lisan, pantun dan sebagainya dikategorikan dalam Kesusasteraan Melayu Tradisional. Cerita-cerita rakyat kita juga mendapat perhatian pihak luar selain Inggeris. Ini dapat dibuktikan dengan penerbitan dalam bahasa Perancis, *Contes Sauvages: Les Tres Curieuses Histoires de Kancil le Petit Chevrotain* oleh Georges Voisset pada tahun 2012 dan diterjemahkan ke dalam Bahasa Inggeris dengan tajuk *Tales from the Deep Forest: The Very Curious Adventures of Kancil the Mouse Deer* pada tahun 2015 oleh Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM). Pengumpulan cerita rakyat Malaysia terkini yang memuatkan lebih banyak cerita berbanding sebelum ini, iaitu sebanyak 366 ialah buku yang diselenggarakan oleh Othman Puteh dan Arifin Said yang bertajuk *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia*, terbitan kali pertama pada tahun 1995. Manakala, Venugopalan cerita-cerita rakyat mengikut negeri pada abad ke-20

dan ke-21 masih lagi dalam skala kecil kecuali cerita rakyat Sabah yang sedikit rancak berbanding cerita rakyat negeri lain yang diusahakan oleh penulis-penulis seperti Azmah Nordin, Saindim Sadah dan Ruhaini Matdarin. Namun, kebanyakan pengumpulan yang disebutkan di atas terarah kepada himpunan hikayat dan legenda agung, manakala naratif berlainan mengikut negeri kurang mendapat perhatian sistematik. Kesimpulannya, pengumpulan cerita-cerita rakyat mengikut negeri, terutamanya yang melibatkan orang-orang Melayu Kelantan dan Patani yang pernah berkongsi sejarah belum lagi wujud setakat ini.

METODOLOGI PENYELIDIKAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah etnografi dan analisis kandungan. Cerita rakyat yang dianalisis merupakan hasil dokumentasi kajian lapangan di dua jajahan Kelantan (Tumpat dan Pasir Mas) dan data sekunder dari Patani (Thailand). Temu bual dengan tukang cerita dan pemerhatian budaya setempat digunakan sebagai sumber primer. Data dianalisis secara tematik bagi mengenal pasti unsur-unsur utama seperti ritual, kepercayaan, sejarah, Islamisasi, dan hubungan dengan alam sekitar. Cerita rakyat dipilih berdasarkan keunikan tema dan keterwakilan nilai budaya tempatan.

ANALISIS DAPATAN

Kerajaan-kerajaan Melayu dengan sistem beraja telah dipercayai bermula di Champa dan Funan, iaitu di Kemboja dan Selatan Vietnam. Drari kerajaan Melayu ini pula telah berkembang pula kerajaan Melayu yang lain antaranya adalah kerajaan Melayu di Segenting Kra dan di sepanjang Pantai Timur Tanah Melayu, termasuk Kelantan dan Terengganu. Kerajaan Melayu Segenting Kra ini dikenali sebagai Langkasuka yang kemudiannya menjadi Patani (Haziya H, 2004). Dalam sejarah, Patani dan Kelantan pada suatu ketika dahulu pernah bersama atau dengan arti kata lain keduanya terangkum dalam satu kesatuan dan membentuk tamadun yang lebih awal. Sewaktu keduanya (ketika itu bernama Langkasuka dan Medang Gana) berada dalam 'Yawadwipa' atau Chryse Chersonesos dalam abad pertama dahulu maka telah muncul sebagai ibu kepada sejarah bangsa Melayu di Nusantara. Bermula dari sinilah kebudayaan Melayu telah berkembang hingga ke seluruh Asia Tenggara. Kerana itulah dalam setiap kajian sejarah tamadun mengenai kerajaan, politik mahupun tamadunnya Patani dan Kelantan selalu berkait rapat. Hakikat inilah yang diabadikan oleh Raja Sakti Pembangunan Keluarga Di Raja Jembal (Kelantan) dalam bentuk simbolik dan lambang dua ekor Kijang Kencana (berbulu keemasan) peliharaan Cik Siti Wan Kembang yang kemudian menjadi lambang kerajaan Jembal. Lambang ini juga yang digunakan semasa baginda memerintah Patani Besar dan akhirnya menjadi lambang (setelah diubahsuai) kepada kerajaan Negeri Kelantan Darul Naim (Bashah A H, 2010).

Kelantan dan Patani telah diketahui mempunyai perkaitan dari aspek sejarah sekurang-kurangnya pada abad ke 18 yang berkaitan Kota Kubang Labu di Kelantan. Pada tahun 1717 Mas Chayam, Raja Perempuan Patani telah membahagikan negeri Kelantan kepada dua bahagian iaitu Kelantan Barat dan Kelantan Timur dengan Sungai Kelantan sebagai garis sempadan. Di dalam pembahagian ini pemerintahan Kelantan Barat telah diserahkan kepada Long Muhammad anak Tuan Sulong yang mendirikan Kota Kubang Labu dan telah menjadikan Kota Kubang Labu sebagai ibu negeri. Manakala pemerintahan Kelantan Timur telah diserahkan kepada Tuan Besar, bapa saudara Long Muhammad yang menjadikan Pengkalan Datu sebagai ibu negerinya. Pada tahun 1733 Long Muhammad telah menyerang Pengkalan Datu dan telah membunuh Tuan Besar. Namun pada tahun 1746, anak Tuan Besar iaitu Long Sulaiman telah berjaya mengalahkan Long Muhammad lalu dilantik oleh Raja Patani memerintah di Kelantan Timur. Raja Patani juga telah menyerahkan pemerintahan Kelantan Barat yang merupakan sebahagian dari negeri Patani kepada Long Sulaiman yang akhirnya telah berjaya menyatukan negeri Kelantan dan telah memindahkan ibu kota dari Pengkalan Datu ke Kota Kubang Labu.

SEJARAH NEGERI KELANTAN

Negeri Kelantan Darul Naim terletak di timur laut Semenanjung Malaysia. Negeri ini bersempadan dengan 4 wilayah iaitu Thailand (Pattani) di timur laut, Perak (Hulu Perak) di barat, Pahang (Kuala Lipis) di selatan dan Terengganu (Besut) di timur/tenggara. Di timur Kelantan ialah Laut Cina Selatan. Negeri Kelantan mempunyai keluasan 14,931 kilometer persegi yang meliputi 4.4% daripada keluasan Malaysia. Nama negeri Kelantan berasal dari 'gelam hutan' atau *Melaleuca Leucadendron* iaitu sejenis pokok gelam yang tumbuh di sekitar pantai negeri itu. Negeri Kelantan dianggap sebagai sebuah negeri tertua di Semenanjung Tanah Melayu. Kelantan dikatakan telah didiami oleh manusia 2,000 atau 3,000 tahun Sebelum Masihi, hasil kajian yang diketuai oleh Dr G. de GSieveking di Gua Cha pada tahun 1953. Di dalam kisah pelayaran Ibnu Baitutah pada tahun 1345, terdapat satu catatan beliau berkaitan Kelantan. Di dalam catatan beliau, Ibnu Baitutah telah menggambarkan wilayah Kelantan sebagai tempat yang penduduknya menyembah berhala dan mempunyai rupa paras yang cantik dengan warna kulit yang kemerehan seperti orang Turki. Penduduk Kelantan juga telah digambarkan sebagai mempunyai keberanian dan semangat perwira tidak mengira lelaki mahupun perempuan. Kaun perempuan Kelantan berkemahiran menunggang kuda dan cekap memanah seperti juga kaum lelakinya.

Di dalam Rihlah Ibnu Baitutah, terdapat catatan khusus berkaitan dengan Kota Kuala Kerai dan seorang raja perempuan bernama Dewi Durga yang bersemayam di sebuah istana di kota tersebut. Ibu Baitutah telah menceritakan dengan terperinci pengalaman berlabuh di salah sebuah pelabuhan di kota yang dipanggil sebagai 'Kailu Kri'. Kewujudan Dewi Durga sebagai raja perempuan yang hebat juga diceritakan oleh John Marignolli dari Florence yang telah tiba di negeri Cina pada tahun 1342 melalui jalan darat dan kemudiannya telah bertolak pulang melalui Asia Tenggara. Di dalam catatan beliau, telah dinyatakan terdapat sebuah pulau dikenali sebagai 'Saba' yang ditadbir oleh seorang raja perempuan. Negeri Kelantan yang terletak di Semenanjung Tanah Melayu iaitu di kawasan Segenting Kra merupakan wilayah yang penting dalam jaluran perdagangan antarabangsa khususnya melibatkan negara China, India dan Arab. Kedudukan yang strategik di antara timur dan barat merupakan faktor penting menjadikan rantau ini sebagai pusat pertukaran rempah dan cengkik (Braddell & Douglas, 1980). Selain menjadi pusat tumpuan perdagangan, faktor lain yang menjadikan Kelantan tumpuan manusia adalah tanahnya yang diketahui kaya dengan galian emas seperti di Kampung Pulau dan daerah Sohor (Tanah Merah) yang turut memberi jolokan Semenanjung Tanah Melayu sebagai Semenanjung Emas.

Negeri Kelantan mempunyai ciri-ciri budayanya yang tersendiri, terkenal sebagai lubuk budaya, pusat pengajian dan pemancaran Islam serta pusat tradisi intelektualisme yang kukuh. Negeri Kelantan merupakan negeri yang terletak di Pantai Timur Semenanjung. Terdapat banyak gelaran untuk Kelantan seperti 'Tanah Rendah Sekebun Bunga', 'Negeri Serambi Mekah', 'Negeri Che Siti Wan Kembang'. Negeri Kelantan mempunyai 10 jajahan yang dibahagikan kepada beberapa daerah. Daerah pula dibahagikan kepada mukim. Struktur pentadbiran yang demikian ini berbeza daripada struktur pentadbiran negeri-negeri lain di Malaysia yang terbahagi kepada daerah-daerah dan mukim-mukim. Jajahan-jajahan di Kelantan ialah Kota Bharu, Pasir Mas, Pasir Putih, Bachok, Machang, Tumpat, Tanah Merah, Kuala Krai, Ulu Kelantan dan Gua Musang. Ibu negeri Kelantan ialah Kota Bharu. Bandar ini mempunyai keistimewaan yang tersendiri. Di Bandar ini beca roda tiga yang dikenali sebagai teksi sangat popular sebagai kenderaan jarak dekat. Terdapat tempat-tempat menarik untuk dilawati di bandar ini serta di kawasan sekelilingnya. Antaranya ialah Pasar besar Siti Khadijah, Istana Balai Besar dan Istana Jahar.

SEJARAH PATANI

Dahulu, Patani merupakan sebuah kerajaan yang merangkumi Patani, Nongchik, Chenak, Jalor, Reman, Saiburi dan Legeh. Berlainan dengan keadaan sekarang di mana, Patani hanya merupakan sebuah wilayah di Selatan Thailand sama seperti Songkla (Singgora), Narathiwat (Menara), Yala

(Jalor) dan Satun (Setul). Kerajaan Patani ini telah diasaskan oleh Phya Tu Kerub Mahajana yang bersemayam di Kota Mahligai yang kemudian telah diganti oleh putera baginda yang bernama Phya Tu Naqpa yang merupakan Raja Patani pertama memeluk Islam dengan menggunakan gelaran Sultan Ismail Shah Zillullah Fil-Alam. Menurut Ayah Bangnara (1976) kerajaan Islam Patani telah bermula pada tahun 1457 dengan Patani dikenali sebagai Patani Darulsalam.

Kisah pengislaman Phya Tu Naqpa telah diceritakan dengan terperinci di dalam Hikayat Patani. Menurut Hikayat Patani, pada suatu waktu raja Phya Tu Naqpa telah mengalami sakit pecah belah yang menyebabkan kulit baginda merekah dan kemerah-merahan. Walaupun telah cuba diubati oleh tabib, namun penyakit baginda tidak juga sembuh. Lanjutan dari itu, baginda telah menitahkan penghulu canang untuk memukul canang mengkhabarkan kepada rakyat bahawa barangsiapa dapat mengubati penyakit baginda, orang tersebut akan dikahwinkan dengan puteri baginda. Berita ini telah sampai ke pengetahuan Sheikh Said yang tinggal berhampiran Kampung Pasir.

Sheikh Said telah memberitahu kepada penghulu Canang kesanggupan beliau untuk mengubati penyakit raja tetapi tidak berminat untuk menjadi menantu baginda. Syarat yang diberikan oleh Sheikh Said adalah untuk raja menganut agama Islam apabila penyakitnya sembuh kelak, dan syarat itu telah dipersetujui oleh baginda raja. Namun begitu setelah sembuh dari penyakit, raja Phya Tu Naqpa telah memungkiri janji dan enggan memeluk Islam sebagaimana yang telah dijanjikan sebelum itu. Tidak berapa lama kemudian, penyakit baginda raja telah kembali menyerang dan baginda telah meminta untuk dipanggilkan semula Sheikh Said untuk mengubati baginda dan baginda telah berjanji tidak akan memungkiri janji baginda untuk memeluk Islam sekiranya sembuh kelak. Akhirnya raja Phya Tu Naqpa telah mengotakan janjinya untuk memeluk Islam setelah sembuh dari penyakit kali kedua dengan menggunakan nama Sultan Ismail Shah Zillullah Fil-Alam. Sementara putera dan puteri baginda turut memeluk Islam di mana putera yang tua telah menggunakan nama Muzzafar Shah, anak kedua dinamakan Siti Aishah dan anak ketiga bernama Manszur Shah.

Kerajaan Patani telah mengalami perkembangan yang baik sewaktu di bawah pemerintahan empat raja perempuan yang terdiri dari Raja Hijau, Raja Biru, Raja Ungu dan Raja Kuning. Kegemilangan kerajaan Patani ini juga telah mengalami kemerosotan selepas berakhirnya pemerintahan 4 raja perempuan di mana Raja Kuning merupakan raja perempuan terakhir. Rentetan itu, perebutan kuasa kerap berlaku hingga menyebabkan Patani diperintah oleh beberapa raja di dalam tempoh yang pendek. Pada tahun 1845, seorang pembesar dari Kampung Laut, Kelantan bernama Tuan Yusof atau Long Besar telah dilantik oleh kerajaan Siam untuk menjadi raja Patani dengan gelaran Sultan Muhammad (Phya Pipit Pakdi) dan bersemayam di Cabang Tiga, Patani. Namun begitu kedaulatan kerajaan Sultan Muhammad ini sering mengalami gangguan dari kerajaan Siam terutamanya untuk terus wujud sebagai sebuah kerajaan Melayu berdaulat. Akibatnya terjadi beberapa siri peperangan yang melibatkan kedua-dua kerajaan.

Lanjutan dari serangan dan gangguan berterusan kerajaan Siam, kedaulatan Patani sebagai sebuah kerajaan Melayu telah mengalami kemerosotan. Akhirnya kerajaan Siam di zaman pemerintahan Raja Rama II telah membentuk semula kaedah pentadbiran kerajaan Patani berasaskan dasar pecah dan perintah melalui sistem yang dikenali sebagai Thesaphiban. Di dalam sistem ini Patani telah dipecahkan kepada Tujuh Buah Negeri Melayu (Khaek Chek Huamuang) yang terdiri dari Patani, Yaring, Yala, Nongchik, Rangae, Raman dan Saiburi. Akibatnya hal pentadbiran ketujuh-tujuh buah negeri ini tidak lagi diuruskan oleh bangsa Melayu sebaliknya kerajaan Siam telah melantik Pesuruhjaya berbangsa Siam untuk menguruskannya. Pesuruhjaya Siam dilantik telah menyatukan beberapa buah negeri Melayu menjadi satu iaitu negeri Yaring dan Nongchik telah disatukan dengan Patani, Raman disatukan dengan Yala, sementara Rangae telah disatukan dengan Saiburi.

Lanjutan dari rombakan negeri-negeri Melayu dan pelantikan Pesuruhjaya ini, makan kedaulatan kerajaan Patani dan Raja Melayu telah hilang sama sekali menjelang tahun 1902. Beberapa raja Melayu Patani juga telah dihukum seperti raja Patani, Tengku Abdul Kadir Kamarudin; Raja Legeh, Tengku Shamsudin dan Raja Teluban (Saiburi), Tengku Abdul Mutalib telah ditahan di penjara terletak di Pitsanulok. Long Raya, Raja Reman pula telah ditahan di penjara terletak di Bangkok. Walaupun akhirnya kesemua raja-raja Melayu ini telah dibebaskan, namun kedaulatan negeri-negeri Melayu dan kedudukan mereka sebagai raja tidak dapat dikembalikan semula. Justeru rakyat tempatan telah melancarkan gerakan menuntut kedaulatan dan raja-raja Melayu untuk dikembalikan semula sehingga ke hari ini.

CERITA RAKYAT KELANTAN

Lima cerita yang dianalisis daripada Kelantan (*Pulau Tengkorak, Main Puteri, Buaya Putih, Adat Ke Laut, Bunohan*) menunjukkan kekuatan nilai ritual, adat istiadat dan kepercayaan tradisional. Setiap cerita mencerminkan proses pemindahan warisan melalui amalan penyembuhan tradisional serta kehadiran elemen semesta yang berkait rapat dengan alam sekitar. Setiap cerita dapat ditafsirkan seperti berikut:

1. Pulau Tengkorak

Mengisahkan tempat pembuangan mayat oleh seorang tuan tanah, cerita ini mengandungi unsur sejarah gelap dan mistik. Ia berfungsi sebagai amaran moral terhadap penganiayaan dan memperlihatkan hubungan antara kekuasaan dan keadilan dalam masyarakat tradisional.

2. Main Puteri

Naratif ini memperlihatkan gabungan seni persembahan dan ritual rawatan. Elemen perubatan tradisional yang digambarkan menunjukkan sistem kepercayaan terhadap roh dan tenaga semesta dalam menyembuhkan penyakit, yang berakar daripada amalan pra-Islam tetapi masih wujud dalam bentuk kontemporari.

3. Buaya Putih

Watak buaya putih sebagai penunggu sungai menggambarkan simbol pelindung alam. Ia tidak berfungsi sebagai ancaman, tetapi sebagai penjaga ekosistem yang dihormati. Cerita ini memperlihatkan kesedaran ekologi masyarakat tempatan.

4. Adat ke Laut

Amalan ritual turun ke laut selepas musim tengkujuh melibatkan pulut kuning dan doa selamat. Cerita ini menunjukkan sinergi antara kepercayaan animisme dan Islam, mencerminkan bentuk keagamaan sinkretik dalam komuniti nelayan.

5. Bunohan

Terdapat dua versi: satu mengenai perebutan cinta yang membawa pembunuhan antara adik-beradik, satu lagi berkait kelangsungan hidup semasa banjir. Kedua-duanya menekankan aspek moral, kepentingan komuniti, dan adaptasi terhadap cabaran alam.

CERITA RAKYAT PATANI

Lima cerita rakyat yang dipilih dari Patani (*Asal-usul Nama Pattani, Kisah Pengislaman Raja Patani, Raja Hijau, Bah Merah, Penunggu Kubur Patani*) lebih sarat dengan naratif sejarah, peralihan kuasa dan elemen keagamaan. Cerita-cerita ini mengaitkan perubahan struktur masyarakat dengan peristiwa politik dan pengislaman, serta memaparkan dinamika hubungan antara tradisi lisan dan identiti sejarah. Setiap cerita dapat ditafsirkan seperti berikut:

1. Asal-usul Nama Pattani

Menjelaskan etimologi 'Pattani' dari segi linguistik rakyat, cerita ini memperlihatkan keterikatan sejarah migrasi, perdagangan dan interaksi etnik sebagai elemen penting dalam pembentukan identiti tempatan.

2. Kisah Pengislaman Raja Patani

Menerusi peranan Sheikh Said, cerita ini menampilkan Islam sebagai kuasa transformatif yang memperbaiki, mengubat dan memperkuat pemerintahan. Naratif ini mendokumentasi sejarah penting penyebaran agama dalam bentuk lisan.

3. Raja Hijau

Mengangkat tokoh wanita sebagai pemerintah yang berjaya, cerita ini memecahkan norma gender dalam kepimpinan dan memperlihatkan zaman kegemilangan politik Patani. Ia membentuk naratif alternatif kepada sejarah maskulin.

4. Bah Merah

Naratif ini membingkai bencana sebagai simbol perubahan geografi dan struktur masyarakat. Air banjir merah menyimbolkan kehancuran dan pembaharuan, menunjukkan kesedaran ekologi dan memori kolektif.

5. Penunggu Kubur Patani

Entiti ghaib dalam cerita ini bertindak sebagai penjaga nilai moral masyarakat. Fungsi cerita adalah didaktik, mengingatkan masyarakat agar menghormati tempat suci dan menjaga adab.

PERBANDINGAN CERITA RAKYAT KELANTAN DAN PATANI

Perbandingan mendapati bahawa cerita rakyat Kelantan lebih menjurus kepada aspek ritual, spiritualisme, dan hubungan dengan alam. Naratif seperti *Main Puteri* dan *Buaya Putih* menunjukkan dominasi kepercayaan kosmologi dan perubatan tradisional dalam kehidupan seharian. Sebaliknya, cerita rakyat Patani lebih bersifat sejarah, menekankan naratif Islamisasi (*Kisah Pengislaman Raja Patani*), politik (*Raja Hijau*), dan peristiwa besar seperti *Bah Merah* yang merakam perubahan sosial. Ini mencerminkan perbezaan pendekatan dalam membina identiti budaya: Kelantan mengekalkan hubungan dengan warisan adat dan semesta, manakala Patani lebih cenderung kepada naratif agama dan perjuangan sejarah. Meskipun berbeza, kedua-dua wilayah berkongsi nilai-nilai tradisional seperti penghormatan terhadap entiti ghaib, moral komuniti, dan simbolisme lokasi. Ini memperlihatkan kesinambungan budaya serumpun walaupun dipisahkan oleh batas geopolitik.

Secara keseluruhan, terdapat persamaan asas seperti kehadiran unsur mitos dan penghormatan kepada nilai-nilai tradisional. Walaupun begitu, perbezaan ketara wujud di mana cerita rakyat Kelantan cenderung mengutamakan aspek ritual dan adat tempatan manakala cerita rakyat Patani lebih banyak menekankan konteks sejarah dan peralihan keagamaan. Perbandingan ini menawarkan gambaran menyeluruh tentang bagaimana dua budaya yang berakar umbi yang sama menyemarakkan naratif masing-masing mengikut konteks sosio-politik mereka. Analisis ini menggariskan kepentingan cerita rakyat sebagai medium pengajaran, yang bukan sahaja menyimpan nilai sejarah tetapi juga menjadi cermin kepada dinamika sosial masyarakat. Penemuan kajian ini menggesa kepentingan usaha pemeliharaan dan penyelidikan berterusan untuk mendokumentasikan warisan lisan dalam konteks globalisasi, agar identiti budaya Melayu terpelihara. Perbincangan juga mencadangkan integrasi cerita rakyat dalam sistem pendidikan dan pelancongan warisan bagi merangsang pemahaman mendalam tentang identiti budaya.

KESIMPULAN

Kajian ini membuktikan bahawa walaupun terdapat persamaan nilai antara cerita rakyat Kelantan dan Patani, perbezaan naratif dan konteks sejarah memberikan gambaran perspektif yang unik dalam pembentukan jati diri kolektif masyarakat Melayu. Hasil dapatan dapat digunakan sebagai asas untuk inisiatif pemeliharaan warisan, serta sebagai bahan rujukan dalam pembangunan kurikulum budaya tempatan. Kajian ini juga menegaskan bahawa cerita rakyat berfungsi sebagai arkib sosial yang merakam pengalaman, kepercayaan dan nilai masyarakat. Dalam konteks Kelantan dan Patani, naratif lisan menjadi medium pengabsahan identiti yang berbeza, namun saling melengkapi. Cerita rakyat Kelantan memelihara memori budaya melalui ritual dan spiritualisme, manakala cerita rakyat Patani membingkai identiti melalui sejarah, Islamisasi dan perubahan politik. Kajian lanjutan disarankan untuk melihat pengaruh naratif ini terhadap generasi muda serta peranannya dalam pendidikan budaya dan pembangunan pelancongan warisan.

RUJUKAN

- Abdul Halim Bashah. (2010). *Raja Campa dan Dinasti Jembal dalam Patani Besar*. Kubang Kerian: Pustaka Reka.
- Ayah Bangnara (1976), *Patani Dulu dan Sekarang*, Penal Penyelidikan Angkatan Al-Patani.
- Abdullah Zakaria Ghazali (2016), "Naskah Melayu Patani Mengupas Sejarah dan Kedaulatan Kerajaan Melayu di Selatan Thailand," *Siri Seminar Naskah Melayu 1*.
- Bronner, S.J. (2017). *Folklore: The Basics*. London: Routledge.
- Haziyah Hussin (2004), "Orang Melayu Kelantan dari Sudut Budaya dan Perspektif Sejarah Lampau," *Jebat*, 31, 15-38.
- Othman Puteh & Arifin Said. (1995). *366 Himpunan Cerita Rakyat Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Stocking, G. W. (1996). *Volkgeist as Method and Ethics: Essays on Boasian Ethnography and the German Anthropological Tradition*. Madison: University of Wisconsin Press.
- Voisset, G. (2015). *Tales from the Deep Forest: The Very Curious Adventures of Kancil the Mouse Deer*. Kuala Lumpur: ITBM.
- Wilson, W.A. (1973). "Herder, Folklore, and Romantic Nationalism." *Journal of Popular Culture* 4: 819-35.
- Yusof, R. (2010). *Asas Sains Sosial: Dari Perspektif Sosiologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yusoff, K. (1988). *Budaya popular dalam masyarakat Melayu bandaran*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Zipes, J. (1987). *Brothers Grimm: The Complete Fairy Tales*. London: Vintage.